

Isnin – 14 September 2020

Halaman : 15

Cabaran guru tabika didik anak Orang Asli ikut norma baharu

GUA MUSANG — Guru taman bimbingan kanak-kanak (tabika) Orang Asli di kawasan pedalaman Kelantan cekal mendidik kanak-kanak Orang Asli untuk mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian mereka.

Selepas negara berdepan ancaman pandemik Covid-19 situasi di tabika berbeza berbanding dahulu.

Tinjauan di Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Orang Asli di Kuala Betis di sini mendapati prosedur operasi standard (SOP) yang dilaksanakan pihak kerajaan menjadi ketamaan.

Guru-guru memeriksa suhu badan semasa melangkah masuk ke premis tabika, mengamalkan kebersihan diri dan penjarakan fizikal dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli.

Seorang guru wanita Kemas Orang Asli, Zeent Ibrahim, 37, berkata, pendedahan norma baharu perlu dititikberatkan dalam realiti kehidupan masa kini yang perlu dijalani anak-anak.

Katanya, kerjasama antara ibu bapa dan guru-guru adalah penting bagi mencapai keperluan itu.

"Kita sudah buat persediaan lama untuk mengajar kanak-kanak agar mereka faham dengan norma baharu yang disarankan kerajaan.

"Kita melihat anak Orang Asli kekok pada permulaannya, namun kini mereka sudah mula memahaminya dan mengamalkannya sebagai tabiat baharu," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Seorang lagi guru Orang Asli, Juwita Mohd. Johan, 55, berkata, mengajar dalam suasana norma baharu merupakan satu cabaran buatnya yang sudah bertugas selama 27 tahun.

Katanya, SOP yang ditetapkan kerajaan adalah langkah yang terbaik dan perlu diutamakan sebelum dan selepas kelas Tabika Kemas bermula.



KANAK-KANAK Orang Asli semakin memahami dan mengamalkan norma baharu semasa berada di kelas tabika.